

Inspira*si*

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپسي سلطان ايدريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 7: 11 Mac 2024

UPSI cipta sejarah miliki sekolah rendah sendiri

Tanjong Malim, 5 Mac - UNIVERSITI Pendidikan Sultan Idris (UPSI) maju setapak lagi dengan inisiatif baharu menubuhkan Sekolah Rendah Seri Budiman (SRSB) bagi melebarkan fungsinya sebagai sebuah universiti pendidikan ulung negara.

Naib Canselor, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff ketika berucap merasmikan Hari Terbuka SRSB di Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City, Tanjong Malim, Perak menyambut baik kejayaan membuka sekolah berkenaan. Beliau berkata, pengambilan sulung seramai 28 murid Tahun 1 dan berkeyakinan sekolah yang diwujudkan itu akan mencapai kejayaan, pembelajaran, dan pencapaian yang membanggakan.

"UPSI menyokong pendidikan di sekolah ini yang dapat membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), malah konsep BITARA adalah pendekatan yang mampu memacu kejayaan, tidak hanya di peringkat nasional, tetapi juga antarabangsa" katanya. Beliau mengucapkan tahniah kepada semua warga kerja Pusat Inisiatif Pemodenan Pendidikan dan UPSI Holdings Sdn Bhd yang berjaya merealisasikan impian UPSI untuk mewujudkan sekolah swasta di dalam kampus tercinta ini selepas berusaha selama 12 tahun.

Guru Besar SRSB, Dr. Kama Shaffeei dalam ucapan aluannya menekankan bahawa fokus sekolah untuk melahirkan pemimpin masa depan, mengintegrasikan pendekatan neoterik berasaskan teknologi, serta memberi tumpuan kepada kerjasama dengan ibu bapa melalui Parent Support Group (PSG).



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN

Perhimpunan Bulanan dan Syarahan Eksekutif oleh Pro Canselor

Tanjong Malim, 6 Mac- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus memperkasa integriti dalam kalangan warganya agar sistem pentadbiran universiti berjalan dengan baik dan efektif demi kecemerlangan masa depan. Justeru, UPSI menerusi Institut Pengajian Siswazah (IPS) mengadakan program Syarahan Eksekutif bertajuk “Integriti Dalam Kepimpinan” yang disampaikan oleh Pro Canselor UPSI, Tan Sri Datuk Seri Dr. Ismail Bakar di Dewan Tuanku Canselor, Kampus Sultan Azlan Shah hari ini.

Mantan Ketua Setiausaha Negara itu berkongsi pengalaman selama 36 tahun dalam perkhidmatan awam dan empat tahun dalam perkhidmatan swasta yang sangat bernilai untuk dikongsi prinsip pentadbiran yang menjadi amalannya.



Lawatan Rasmi Pengarah Kanan Kesihatan (Pergigian) Kementerian Kesihatan Malaysia ke PKU, UPSI

Kuala Lumpur, 5 Mac - Jutaan terima kasih YBrs. Dr Noormi binti Othman, Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian) (PKKP) KKM bersama Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Perak, YBrs. Dr Salleh bin Zakaria dan anggota Bahagian Kesihatan Pergigian Perak atas segala amanat, inspirasi & idea bernas yang dikemukakan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris. Pasti amanah besar dalam menyumbang ke arah mengurangkan penyakit pergigian menjelang 2030 akan UPSI laksanakan dengan sehabis baik.

Harapannya, pertemuan ini dapat membuka pintu kepada kerjasama yang lebih erat di bidang kementerian kesihatan pergigian dan pelbagai bentuk kerjasama yang dapat dimanfaatkan bersama.

UPSI dan MMU Juara Keseluruhan Majlis Anugerah Keusahawanan KPT 2023

Tanjong Malim, 8 Mac - Tahniah kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Multimedia yang telah dipilih untuk menjadi pemenang bersama bagi Kategori Utama iaitu Universiti Terbaik dengan nilai hadiah berupa geran sebanyak RM 250 ribu, Politeknik Merlimau Melaka memenangi Kategori Politeknik Terbaik dan Kolej Komuniti Bandar Darul Aman yang memenangi anugerah Kolej Komuniti Terbaik dalam Anugerah Keusahawanan Kementerian Pendidikan Tinggi 2023 (AKKPT 2023).



UPSI-WoR meterai MoU, majukan pendidikan robotik

Tanjong Malim, 11 Mac - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan World of Robotics (WoR) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dalam usaha memperkukuh hubungan dan meningkatkan kolaborasi. MoU tersebut dimeterai oleh Naib Canselor, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff yang mewakili UPSI dengan Pengarah Urusan WoR, Lee Yew Kein dalam satu majlis yang diadakan di Perpustakaan Digital UPSI, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City.

Naib Canselor UPSI, Prof Md Amin Md Taff menerusi kenyataan berkata dengan termeterainya MoU itu, ia dapat memperkukuhkan kerjasama antara universiti dan industri dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP), penyelidikan, perundingan, pengurusan acara dan perkhidmatan kepada masyarakat. “Ia juga membabitkan kerjasama profesional melalui ceramah, bengkel, kursus pendek, penilaian produk, pemeliharaan teknologi untuk pendidikan dan penyelidikan, demonstrasi eksklusif atau ujian produk baru serta pakej promosi istimewa jenama WoR kepada kakitangan dan pelajar UPSI. Beliau berkata kedua-dua pihak juga dapat membina perkongsian strategik melalui pembangunan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) robotik untuk pendidikan dan penyelidikan di UPSI.

Katanya, MoU ini adalah satu langkah penting dalam memperkukuhkan hubungan antara UPSI dan WoR yang berfaedah kepada kedua-dua belah pihak, malah memberi kesan positif dalam mencapai matlamat bersama.

